

24/02/2003

Dakwaan hapus sekolah agama hanya fitnah

Ruslan Rahman

DALAM ruangan ini, saya ingin berkongsi pandangan bagi mengelak kekeliruan akibat fitnah Pas berkaitan isu sekolah agama rakyat (SAR) di Terengganu.

Adalah tidak benar dakwaan pemimpin Pas bahawa Umno dan Kerajaan Pusat menentang pendidikan agama dan mahu menghapuskan sekolah agama, jauh sekali untuk mengikut telunjuk Amerika Syarikat. Sekolah agama sebenarnya diteruskan macam biasa di negara dan negeri ini, malah dipertingkatkan pembangunan dan kemajuannya.

SAR yang tidak mengikut arus perdana pendidikan negara, malah menjadi tempat menghasut pelajar menentang kerajaan dan melahirkan kader-kader Pas, itulah yang ditamatkan bantuan oleh Kerajaan Pusat.

Di Terengganu tidak ada sebuah pun SAR kerana sudah diambil alih oleh Kerajaan pada zaman pemerintahan Umno sebelum ini. Yang ada ialah sekolah yang dibangunkan oleh Pas.

Ini kerana pada zaman pemerintahan Umno di Terengganu sebelum ini, semua sekolah agama diambil alih oleh kerajaan negeri dan dimajukan dengan cemerlangnya. Ini termasuk Sekolah Zainal Abidin yang kemudian menjadi Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin di Batu Burok dan Sekolah Menengah Agama (Rendah) Sultan Zainal Abidin di Ladang.

Hasil perjuangan Umno, ia dilengkapi pelbagai kemudahan pembelajaran terkini dan tersusun. Di sinilah pemimpin Pas seperti Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Datuk Harun Taib, Abu Bakar Chik dan Abu Bakar Abdullah sebenarnya mendapat pendidikan awal, bukannya di pondok atau SAR.

Dakwaan Pas bahawa semua Menteri Besar Terengganu mendapat pendidikan di pondok atau SAR adalah suatu pembohongan sama sekali.

Sekolah pondok yang serba daif dulunya diambil alih oleh kerajaan menjadi begitu baik seperti Sekolah Menengah Agama (SMA) Durian Guling; SMA Tok Jiring; SMA Wataniah Alor Keladi dan Nur Iftifaq di Besut; Mahmudiah Kuala Berang; Sultan Ismail Dungun; Al Falah Kemaman; SMA Marang; Maarif Besut dan Khariah Kuala Terengganu.

Kerajaan Pusat juga melalui Kementerian Pendidikan menubuhkan Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik dan SMA Rantau Abang.

Pada tahun ini diwujudkan pula Sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh di Batu Rakit.

Sekolah yang pemimpin Pas tubuhkan ialah Madrasah Darul Salam; Madrasah Darul Taqwa, Kemaman dan Kuala Terengganu; Maahad Darul Quran, Rusila Marang; Darul Quran, Manir; Darul Bayan, Paka; Pusat Pengajian Islam Kemaman dan Madrasah Darul Ehsan Kuala Terengganu.

Justeru itulah sekolah terbabit tidak diberikan bantuan kerana ia milik parti dan pemimpin Pas sepenuhnya serta kebanyakan pelajar tidak memiliki sijil Ujian Penilaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia atau terkeluar daripada arus pendidikan perdana negara.

Namun Kerajaan Pas Terengganu menggunakan peruntukan wang zakat Asnaf Fisabilillah dengan peruntukan RM50,000 setahun kepada setiap sekolah ini dan RM50 sebulan kepada setiap pelajar.

Kesimpulannya adalah tidak benar sama sekali fitnah pemimpin Pas bahawa Kerajaan Pusat hendak menghapuskan sekolah agama, ikut telunjuk Amerika, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Anti-Islam (ditampal di pintu masuk di sebuah surau Jalan Tok Lam Kuala Terengganu) dan pelbagai tuduhan lagi.

Malah, 12 sekolah agama Terengganu termasuk Kolej Agama Sultan Zainal Abidin diberikan bantuan tahunan dari Dana Khas Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan RM120 juta, termasuk yang diarah oleh Kerajaan Pas

Terengganu agar wang itu dikembalikan kepada pentadbiran Kerajaan Pas  
Terengganu.  
RUSLAN RAHMAN,  
Kuala Terengganu, Terengganu.